

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Lembaran Pendedahan Produk ini (LPP) memberikan anda maklumat-maklumat penting berkenaan pembiayaan peribadi anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ianya membantu; **anda patut membacanya juga.**

Tarikh: _____

1. Apakah Pembiayaan Peribadi HSBC Amanah?

Pembiayaan Peribadi HSBC Amanah adalah pembiayaan peribadi tidak bercagar yang dikira atas dasar kadar tetap.

Konsep Syariah yang terpakai ialah Tawarruq (melalui transaksi Komoditi Murabahah), yang terdiri daripada dua kontrak jual dan beli. Di bawah konsep ini, anda akan melantik Bank sebagai ejen anda untuk membeli komoditi-komoditi bagi pihak anda. Selepas itu, anda memberikan kuasa kepada Bank sebagai ejen anda untuk menjual komoditi-komoditi anda kepada pihak lain melalui platform dagangan komoditi secara bayaran tunai serta-merta. Hasil transaksi jualan tersebut akan tersedia kepada anda oleh Bank dalam akaun sebagaimana yang dinyatakan semasa permohonan.

2. Ketahui Kewajipan Anda

Sebagai ilustrasi bagi pembiayaan peribadi ini:

- Jumlah kemudahan anda: **RM 100,000**
- Jumlah bayaran bulanan anda: **RM 2,086.31**
- Tempoh kemudahan anda: **7 tahun**
- Keuntungan rata: **10.75% p.a.**
- Keuntungan efektif: **17.74% p.a.**

Secara **keseluruhan** anda akan membayar **RM 175,250** setelah tamat tempoh 7 tahun.

Nota: Keuntungan ialah dikira menggunakan Kadar Keuntungan Efektif pada asas baki berkurangan dan dikira setiap hari dari tarikh Jumlah Kemudahan dikeluarkan.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami terma-terma penting dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Membayar bayaran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya bagi mengelakkan caj bayaran lewat. Sila hubungi kami sekiranya anda berhasrat untuk melakukan penyelesaian awal.

Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:

- Duti Setem: **0.5%** daripada jumlah kemudahan (dimana terpakai)
- Caj bayaran lewat: **1% setahun** ke atas jumlah tertunggak dikira atas dasar harian



Sila hubungi kami dengan segera, jika anda tidak mampu untuk membayar bayaran bulanan anda.

Sekiranya anda berhasrat untuk melakukan penyelesaian awal untuk kemudahan anda, anda patut tahu:

- Tidak ada penalti yang akan dikenakan untuk penyelesaian awal. Anda boleh melakukan penyelesaian awal pada bila-bila masa sepanjang tempoh kemudahan.
- Tempoh notis yang diperlukan: notis satu (1) bulan terlebih dahulu.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa akan terjadi sekiranya anda gagal untuk membayar bayaran bulanan anda?

1. Anda akan menanggung **caj bayaran lewat ke** atas jumlah bayaran yang tertunggak.
2. **Hak untuk penolakan:** Kami boleh menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang diselenggara oleh kami atau terhadap mana-mana baki yang tertunggak.
3. Kami mempunyai hak untuk **memulakan aktiviti pemulihan** (termasuk untuk melantik agensi pengutip hutang pihak ketiga) dan tindakan undang-undang termasuk prosiding kebangkrapan.
4. **Skor kredit** anda mungkin akan terjejas, menyebabkan kredit akan lebih susah terhadap anda atau mungkin lebih mahal.
5. **Limit kredit** bagi Kad Kredit/i HSBC Bank/ HSBC Amanah anda **mungkin akan dikurangkan** dan/ atau hak penggunaan anda mungkin akan disekat atau ditamatkan.

4. Terma-terma Penting Lain

- Ianya adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami akan sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat kami sampai kepada anda dalam tempoh yang sewajarnya.
- Kemudahan ini tidak memerlukan sebarang penjamin. Walaubagaimanapun, dalam beberapa keadaan, Bank mungkin memerlukan deposit tetap sebagai cagaran.
- Sebagai alternatif, anda boleh memohon khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberikan khidmat percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan peribadi anda, anda boleh:



Menghubung kami di
1300 80 2626



Melawat kami di:
www.hsbcamanah.com.my
atau di HSBC Amanah /
HSBC Bank Malaysia Berhad



Emel kepada kami di:
complaints@hsbc.com.my